

30/07/2002

Karnival Rakyat tetap diteruskan

Hardi Effendi Yaacob

KARNIVAL Seniman Bersama Rakyat Ke-2 anjuran Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) dengan kerjasama penaja utama mereka, Vantage Horizon Sdn Bhd tetap diteruskan walaupun ia terpaksa dilewatkan sehari daripada tarikh asal.

Presidennya, Abu Bakar Kassim, berkata karnival beli-belah berkonsepkan hiburan untuk seisi keluarga itu sepatutnya bermula di Padang Letak Kereta A - Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil pada 27 Julai lalu tetapi ditunda sehari kemudian.

"Ini kerana ia bertembung dengan One Nation We Care (Satu Bangsa Kita Kasih) yang juga Program Sepetang Bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu. Kebetulan, acara berkenaan turut dilangsungkan di Stadium Nasional, Bukit Jalil," katanya.

Abu Bakar berkata, Ahli Jawatankuasa (AJK) Seniman sudah pun dimaklumkan berita penundaan itu.

"Semua kumpulan peniaga dan pihak media sudah dimaklumkan mengenai penukaran tarikh karnival itu. Semua akur untuk memberi laluan kepada program One Nation We Care.

"Jadi segala acara yang dirancang pada 27 Julai sudah dibawa kepada 28 Julai. Cuma, tarikh perasmian akan tetap dikekalkan Selasa ini (30 Julai). Ia akan disempurnakan oleh Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob, bermula jam 8 malam.

"Ia akan berakhir pada 12 Ogos ini. Orang ramai boleh mengunjungi Karnival Seniman Bersama Rakyat Ke-2 dengan hanya membayar RM4 (bagi dewasa), manakala kanak-kanak di bawah 12 tahun dan diiringi penjaga mereka tidak dikenakan apa-apa bayaran.

"Bagi penganjur, kadar ini memang berpatutan. Ini termasuklah peluang mereka memenangi pelbagai hadiah menarik dalam siri cabutan bertuah yang akan diadakan setiap malam.

"Setiap malam kita umumkan enam pemenang. Paling kurang pun, kita sedia hadiah hamper, manakala hadiah utama pula sebuah kereta Perodua Kelisa. Pemenangnya tentulah mereka yang paling bertuah di antara yang bertuah," kata Abu Bakar.